

# UMS jalin k-sama Tumau Gayo Energy bangunkan industri perladangan

NST 24/08/2011 6

OLEH MIZRON MARALANG

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalin kerjasama dengan Tumau Gayo Energy Sdn. Bhd dalam usaha untuk membangunkan industri perladangan khususnya hasil pengeluaran minyak kelapa sawit Kinabalu.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr Kamaruzaman Hj. Ampun berkata, pihaknya telah mendapat penghormatan dengan menjadi sebahagian daripada kerjasama ini untuk faedah bukan sahaja kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung tetapi juga kepada negeri Sabah keseluruhannya.

Beliau berkata, industri minyak kelapa sawit telah bermula sejak 80 tahun yang lalu dalam keadaan yang sederhana. Kini, ia merupakan

sektor pertanian perladangan yang terbesar iaitu melebihi ladang getah lebih daripada dua kali ganda dalam kawasan tanamannya.

"Sektor perladangan kelapa sawit pada hari ini telah diiktiraf sebagai penyumbang utama ekonomi Malaysia dan juga antara penyumbang kepada peluang pekerjaan terbesar.

"Di negeri Sabah terdapat kira-kira 464 ribu hektar ladang kelapa sawit dan sebahagiannya adalah milik kerajaan yang turut serta menyumbang kepada ekonomi negara. Dengan jumlah keluasan ladang kelapa sawit ini, negeri Sabah merupakan antara pengeluaran minyak kelapa sawit terbesar di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Tumau Gayo Energy Sdn. Bhd di



**CENDERA KENANGAN...**Kamaruzaman (dua kanan) menyampaikan cendera kenangan kepada Henrynus (kanan) pada majlis itu kelmarin.

Novotel Hotel, 1 Borneo, di sini, kelmarin.

Dr. Kamaruzaman berkata, berdasarkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) setiap tahunnya kita menjana kira-kira 7 juta tan batang kelapa sawit, 26.2 juta tan pelepah kelapa sawit dan 15 juta tan buah tandan kosong (EFB).

"Manakala batang dan pelepah kelapa sawit lazimnya akan ditinggalkan di ladang kelapa sawit bagi menambah kandungan organik tanah dan buah tandan osong pula akan dibiarkan dikilang bagi tujuan pelupusan.

"Kemudian, peluang akan hadir menerusi kajian di universiti dan institusi dengan me-

nekankan potensi kelapa sawit iaitu mengubah bekalan minyak sawit yang banyak kepada produk yang mempunyai nilai tambah ekonomi daripada nilai yang rendah kepada nilai produk komposit yang tinggi," jelasnya.

Katanya, negara Malaysia perlu bertindak lebih agresif dalam menjalankan penyelidikan R&D bagi mencapai matlamat sebagai antara pengeluaran terbesar minyak kelapa sawit di dunia. Pekara ini telah dinyatakan oleh Perdana Menteri Malaysia pada perbincangan meja bulat Mei 2011 di New York Academy of Sciences.